

Semangat Malaysia Boleh! kembali tercipta

UM - 16/6/2007

KERAJAAN berbangga apabila seorang beliawanis mencipta rekod cemerlang, gemilang dan terbilang, setelah menjadi wanita pertama Malaysia dan wanita keempat Asia Tenggara serta wanita ke-49 dunia menjejakkan kaki ke puncak Gunung Everest, baru-baru ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri

Azalina Othman Said berkata, rekod yang dilakar oleh Marina Ahmad, 26, itu bersifat luar biasa.

Pada 21 Mei lalu, Marina yang kini bertugas sebagai Penolong Penerbit Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) bersama enam lelaki anggota Ekspedisi Merdeka de' Everest 2007 tiba di 'bumbung dunia' itu.

Lima rakannya itu ialah jurukamera RTM, Idris Said, 51; Ahmad Reduan Rozali, 25; Ahmad Fakhri Abu Samah, 25; Mohd. Rafi Kori, 35; dan Ketua Pendaki Everest 2004, Muhammad Fauzan Hasan, 39.

Misi yang dinamakan Merdeka de' Everest 2007 itu bersempena ulang tahun kemerdekaan negara ke-50 pada 31 Ogos ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyambut kepulangan tujuh wira negara yang menyertai Ekspedisi Merdeka de' Everest 2007 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), baru-baru ini.

Menteri Belia dan Sukan seterusnya menyatakan, kejayaan yang dicipta oleh Marina itu perlu dicontohi oleh gadis-gadis lain.

"KBS sedia membantu mana-mana pihak untuk menjayakan sebarang projek yang boleh menyumbang manfaat besar kepada masyarakat belia itu sendiri," ujarnya.

Azalina juga turut menyatakan kebanggaan kerana projek Merdeka de' Everest itu berjaya hasil bimbingan pemimpin veteran tanah air, Datuk Khalid Yunus selaku Presiden Persatuan



ENAM anak Malaysia yang mencipta nama di puncak Everest, baru-baru ini.

Kembara Negara.

Pada 21 Mei lepas, Khalid yang sudah berada di ketinggian 7,200 meter atau cuma 1,648 meter sahaja lagi untuk sampai di puncak, tidak dibenar meneruskan pendakian oleh pakar perubatan di Everest kerana masalah kesihatan luar biasa yang menyerangnya.

Menteri Belia dan Sukan kemudian meminta semua pihak menyanjung kehebatan pasukan Merdeka de' Everest itu.

"Projek mendaki Everest adalah program murni kerajaan dan diharapkan pula ada mana-mana pihak mempolitikkan program ke Everest ini," ujarnya.

